

21 Jun 2009 (Ahad)

Bil hospital warga asing RM12.8 juta

Oleh Hafizah Iszahanid hafiza@bharian.com.my



Tan Sri Dr Ismail Merican

- ② Hutang rawatan perubatan pendatang warga Indonesia paling tinggi
- ② Lebih 100 bayi warga asing ditinggal di HTAR Klang setahun

KUALA LUMPUR: Hutang bil rawatan perubatan warga asing terutama dari Indonesia di hospital kerajaan meningkat hampir sekali ganda kepada RM12.8 juta tahun lalu berbanding RM6.7 juta pada 2000. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Ismail Merican, berkata hutang bil rawatan warga asing itu meningkat setiap tahun yang kebanyakannya untuk mendapatkan rawatan bersalin (27 peratus), kemalangan (12 peratus), pembedahan ortopedik (sembilan peratus) dan selebihnya perkhidmatan pesakit luar. Walaupun pelbagai cara digunakan untuk mengutip semula bayaran tertunggak itu termasuk menghubungi kedutaan warga asing berkenaan dan majikan mereka, namun semua usaha itu gagal. "Daripada jumlah keseluruhan hutang, 47 peratus membabitkan warga Indonesia, masing-masing 17 peratus membabitkan warga India dan Filipina manakala bakinya pula Myanmar, Bangladesh, Vietnam dan Thailand," katanya kepada Berita Minggu.

Beliau berkata, kebanyakan pesakit warga asing itu memang sengaja enggan menjelaskan bayaran rawatan dengan memberikan alamat palsu dan lari dari hospital selain majikan enggan bertanggungjawab. Ismail berkata, hospital kerajaan menjadi tumpuan warga asing mendapatkan rawatan kesihatan dan jumlah itu meningkat sejak tiga tahun lalu dipercayai kerana kemasukan warga asing secara haram. Daripada 36 juta yang mendapatkan rawatan termasuk bagi perkhidmatan pesakit luar pada 2006, seramai 437,617 adalah warga asing manakala tahun 2007, daripada 38 juta, 483,751 adalah warga asing. Jumlah itu meningkat 1.3 peratus tahun lalu kepada 525,087 daripada keseluruhan 40 juta kedatangan pesakit ke hospital kerajaan. "Sebelum ini kementerian pernah merujuk kepada kedutaan warga asing berkenaan berkaitan hutang dan kos perubatan warga negara mereka tetapi tiada maklum balas diterima," katanya.

Sementara itu, Pengarah Hospital Tuanku Ampuan Rahimah Klang (HTAR), Dr Ghazali Hasni Hassan berkata, sebahagian warga asing bukan saja tidak membayar bil rawatan selepas melahirkan anak malah meninggalkan anak mereka yang dipercayai hasil

hubungan tidak sah di hospital itu. Beliau berkata, setiap tahun lebih 100 bayi warga asing ditinggalkan di HTAR dan anak-anak ini diserahkan kepada Jabatan kebajikan Masyarakat untuk proses pengambilan anak angkat. Beliau berkata, kebanyakannya kes tinggal bayi ini membabitkan wanita Indonesia dan usaha mengesan mereka tidak berjaya kerana 50 peratus daripadanya menggunakan alamat palsu selain alamat rumah kongsi. "Ada juga menggunakan alamat orang lain kerana meminjam kad pengenalan warga Indonesia yang sudah lama menetap di sini. Ini menyebabkan ada kes seorang wanita dikesan melahirkan anak dua kali sebulan," katanya.

Katanya, penipuan kad pengenalan boleh menyumbang kepada komplikasi waktu bersalin terutama jika berlaku kes kecemasan seperti tumpah darah. Dr Ghazali berkata, rawatan bersalin adalah antara perkhidmatan paling kerap digunakan warga asing di hospital kerajaan. Di HTAR saja, hampir 99 peratus wanita asing yang bersalin adalah warga Indonesia. Katanya, walaupun hospital kerajaan mengenakan syarat pembayaran deposit sebelum mendapatkan perkhidmatan kesihatan, atas dasar kemanusiaan hospital membenarkan pesakit dirawat terlebih dulu. Di HTAR, warga asing berhutang sebanyak RM3.36 juta sejak 1995. Kebanyakannya bayaran itu membabitkan bayaran perubatan untuk bersalin selain penyakit berjangkit, kemalangan dan ortopedik. Katanya, jika setiap pekerja asing yang masuk ke Malaysia diwajibkan mempunyai insurans kesihatan, masalah hutang tertunggak boleh diselesaikan. HTAR adalah sebuah daripada 120 hospital kerajaan di seluruh negara yang berhadapan dengan masalah bayaran perubatan tertunggak.

22 Jun 2009 (Isnin)

Utara: Kontraktor gagal siap dua projek sekolah akan disenarai hitam

KEPALA BATAS: Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan tegas termasuk kemungkinan menyenarai hitam kontraktor yang gagal menyiapkan dua projek bangunan di dua sekolah di sini. Projek itu ialah pembinaan bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Paya Keladi (SKPK) dan pembinaan semula kelas kabin Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam (SKPB). Timbalan Menterinya, Dr Mohd Puad Zarkahsi, berkata kementerian perlu tegas berikutan kegagalan kontraktor menjelaskan pelajaran murid dan menyusahkan pihak lain. Pembinaan kelas kabin di SKPB yang membabitkan dua blok dengan kos RM500,000, terpaksa dibuka semula kerana strukturnya tidak selamat. "Projek pembinaan semula sedang dijalankan dan kontraktor memberi jaminan projek itu dijangka siap Rabu ini. Jika gagal, kementerian akan menyenarai hitamkan kontraktor itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada sidang media selepas meninjau dua projek itu, kelmarin. Turut hadir, Ketua Pemuda Umno Bahagian Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican. Mohd Puad berkata, pembinaan kelas kabin itu bertujuan mengatasi masalah kekurangan tempat belajar berikutan satu daripada bangunan sekolah sedia ada didapati tidak selamat. "Pembinaan kelas kabin perlu mengambil kira aspek keselamatan pelajar termasuk menggunakan bahan kalis api dan tahan lama," katanya.

Beliau juga berkata, pendekatan jangka panjang dalam membina sesebuah sekolah baru terutama dari segi keperluan tanah, khususnya di bandar akan dikaji dengan teliti. Mengenai blok bangunan tambahan SKPK yang terbengkalai pula, Mohd Puad berkata, ia antara projek sakit yang dilaksanakan kontraktor baru. "Kementerian tidak boleh lagi mendengar pelbagai alasan kontraktor tetapi mereka perlu menyiapkan sesuatu projek walau dalam keadaan apa sekalipun.". Beliau berkata, banyak lagi projek kementerian yang terbengkalai dan sakit di seluruh negara termasuk pembinaan blok tambahan dan pembinaan makmal sains, akan diberi perhatian.

23 Jun 2009 (Selasa)

Utara: 1,000 gelisah projek bina bangunan ancam keselamatan

BUTTERWORTH: Kira-kira 1,000 penghuni Taman Sutera Prima, Seberang Jaya di sini, dalam kebimbangan berikutan kerja pembinaan tiga blok pangaspuri tidak menepati peraturan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan iaitu 65.8 meter dari kawasan kediaman. Projek dilaksana sejak Disember 2007 menyebabkan berlaku retakan di rumah ketika kerja menanam cerucuk dilakukan. Lebih membahayakan ialah pelbagai bahan binaan seperti besi, kayu, serpihan simen, topi keselamatan dan ketul batu besar turut jatuh di bumbung rumah penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak penduduk, Amirudeen Saidu Mohamad, berkata penduduk juga terpaksa menanggung kos untuk membaiki rumah yang retak akibat kerja pembinaan bangunan itu. "Selain itu, ada kanak-kanak nyaris terkena batu bata yang jatuh dari bangunan dalam pembinaan itu dan kejadian ini membahayakan nyawa penduduk," katanya di sini, semalam.

Sebelum ini, jawatankuasa berkenaan turut mengemukakan bantahan dan pertemuan dengan Ketua Menteri, Lim Guan Eng, Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Biro Pengaduan Awam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi tiada tindakan lanjut. Jawatankuasa itu turut mengadakan perbincangan dengan pemaju mengenai pampasan kerosakan dan menemui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, minggu lalu. Amirudeen berkata, pihaknya sudah mengemukakan memorandum bantahan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada 18 Jun lalu, mengenai perkara itu termasuk pampasan akibat kerosakan rumah.

23 Jun 2009 (Selasa)

Menteri nafi PKFZ hutang RM12 bilion

Oleh Anwar Hussin, Nazura Ngah, Norliza Wasilan bhnews@bharian.com.my

Juruaudit dilantik buat andaian, anggaran: Ong

KUALA LUMPUR: Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat menafikan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) menanggung hutang RM12 bilion kerana jumlah itu hanya andaian jika tiada bantuan kerajaan atau usaha menjadikannya berdaya maju. Beliau berkata, anggaran itu disediakan dalam laporan syarikat audit PricewaterhouseCoopers (PwC) yang merangkumi kos faedah tambahan RM5 bilion yang perlu dibayar kepada Kementerian Kewangan. Katanya, anggaran itu berlaku jika Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) menangguhkan pembayaran balik pinjaman kepada kerajaan supaya ia berpadanan dengan unjuran aliran wang tunai LPK menjelang 2051. "Ini jelas tertera dalam laporan PwC yang diumumkan, tetapi senario semasa sekarang memperlihatkan ada tindakan tegas lagi menyeluruh yang digariskan dan diambil oleh Kementerian Pengangkutan dan LPK. "Hampalah individu putar belit yang menyebarkan pembohongan kononnya hutang PKFZ meningkat kepada RM12.5 bilion sekarang," katanya menjawab soalan Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur), di Dewan Rakyat, semalam.

Ong juga menegaskan tiada berlaku percanggahan kepentingan membabitkan Ahli Parlimen Bintulu, Datuk Seri Tiong King Sing dalam isu berkenaan. Beliau berkata, Tiong adalah Ketua Eksekutif Kuala Dimensi Sdn Bhd, syarikat yang menjual tanah kepada LPK selain turut menjadi kontraktor utama pembangunan PKFZ yang dilaksanakan secara turnkey. "Berdasarkan rekod pada saya, Ahli Parlimen Bintulu itu tidak menyandang jawatan dalam jemaah LPK atau PKFZ ketika transaksi tanah atau pembangunan yang dimaksudkan berlangsung," katanya.

Selain itu, katanya, laporan semakan kedudukan PKFZ yang disediakan PwC tidak dapat didedahkan lebih awal disebabkan antara lain keperluan pembatalan kerahsiaan dokumen. Bagaimanapun, penerangan Ong mengenai PKFZ itu menjadi kecoh apabila Lim mendakwa ada pembabitan bekas pemimpin MCA dalam kontroversi isu PKFZ. Lim tiba-tiba mencelah dan menjerit 'projek sudah mati, sudah mati, siapa yang mematikan. Adakah (projek ini) lombong emas? Jelaskan mengapa kosnya menjadi berlipat ganda'. Tindakan Lim menyebabkan Ong menyindir Lim yang beliau seperti dalam keadaan histeria. "Satu pasukan bertugas sudah ditubuhkan 10 Jun lalu bertujuan menyusuli apa yang dibangkitkan oleh laporan PwC, kalaularu itu tidak memadai, saya tak tahuolah Ipoh Timur apa yang terbuku dalam hatinya, saya tak dapat baca, tapi apa yang saya buat bukan untuk menyeronokkan individu tetapi untuk kepentingan dan ketulusan bagi rakyat," kata Ong.

Sementara itu, ketika membentangkan Penerangan Menteri mengenai Laporan Semakan Kedudukan PKFZ di Dewan Rakyat, Ong berkata, langkah susulan yang digariskan kementerian dan LPK menjadikan projek itu berdaya maju. Beliau berkata, antara isu yang dibangkitkan dalam laporan itu adalah tiga soal pokok iaitu aspek pembelian tanah, kedudukan perangkaan hutang dan kos pembangunan projek serta kelemahan urus tadbir LPK dalam pelaksanaan projek PKFZ. Katanya, kos pembangunan PKFZ termasuk kos faedah bayaran tertangguh kepada kontraktornya, KDSB, adalah RM4.947 bilion menjelang 2017.

23 Jun 2009 (Selasa)

PM perjelas projek rangsangan ekonomi

SEBANYAK 44,736 projek bernilai RM4.2 bilion sudah ditawarkan untuk dilaksanakan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama sehingga 12 Jun lalu, kata Datuk Seri Najib Razak. Perdana Menteri berkata, daripada jumlah projek itu, 13,365 bernilai RM1.5 bilion sudah disiapkan membabitkan projek kecil seperti menaik taraf dan membaik pulih jalan luar bandar, jambatan, sekolah dan hospital.

Najib berkata, bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, 8,981 projek bernilai RM4.3 bilion ditawarkan sehingga tempoh sama. "Daripada jumlah ini, 545 projek bernilai RM1.3 bilion sudah disiapkan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Lip Eng (DAP-Segambut).

Lim bertanyakan peratusan unjuran penguncutan ekonomi negara pada akhir tahun ini dan ingin tahu mengapa masih ada penguncutan sedangkan lebih RM60 bilion dalam Pakej Rangsangan Ekonomi sudah diperuntukkan. Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, sehingga kini RM6.8 bilion daripada RM7 bilion dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama disalurkan kepada kementerian dan agensi pelaksana.

Beliau berkata, inisiatif kerajaan untuk memulihkan ekonomi memberi keyakinan kepada pelabur, terutama dalam pasaran ekuiti. "Ini jelas dilihat apabila Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mencatatkan peningkatan ketara sejak Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua diumumkan, dengan KLCI melonjak sehingga 1,070 mata pada 8 Jun berbanding 855 mata pada 10 Mac," katanya.

Beliau berkata, dengan terlaksana lebih banyak projek dalam pakej rangsangan, dijangka memberi kesan positif lebih ketara ke atas ekonomi negara pada separuh kedua 2009. "Kerajaan yakin melalui strategi dan langkah dirangka dalam kedua-dua pakej rangsangan komprehensif dan menyeluruh ini, dapat meminimumkan impak kemelesetan ekonomi dunia terhadap ekonomi domestik serta memastikan kesejahteraan rakyat," katanya.

Najib berkata, kerajaan akan terus memantau pelaksanaan pakej rangsangan ini dengan teliti bagi memastikan ia dilakukan dengan pantas dan berkesan serta pelaksanaannya memberi pulangan wang yang sepadan. Sementara itu, kepada soalan lain Najib berkata, terlalu awal bagi kerajaan menyatakan sama ada syarat ekuiti Bumiputera dinaikkan dalam sektor lain bagi mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera, selepas syarat ekuiti Bumiputera dikecualikan dalam 27 subsektor perkhidmatan baru-baru ini.

"Syarat ekuiti ini bukan instrumen tunggal untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera kerana ada pelbagai program yang membantu ke arah peningkatan pemilikan ekuiti Bumiputera, dan program itu akan terus dilaksanakan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Teo Nie Ching (DAP-Serdang). Mengenai peruntukan membangunkan pekan kecil di Felda, Perdana Menteri berkata, agensi itu

memperuntukkan RM4 juta bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur membabitkan lampu jalan.

"Felda juga membelanjakan RM3.2 juta tahun lalu bagi menambah baik kawasan perniagaan," katanya dalam jawapan bertulis Datuk Lilah Yasin (BN-Jempol). Katanya, Felda turut melaksanakan penambahbaikan sistem perparitan di kawasan perniagaan dengan memberi tumpuan kepada rancangan berbentuk gugusan bagi membolehkannya menjadi kawasan utama yang menyediakan pelbagai kemudahan.

"Penduduk di rancangan berbentuk gugusan lebih ramai berbanding kawasan lain, namun pembangunan baru memerlukan komitmen dan kerjasama daripada kerajaan negeri khususnya dalam membina kawasan penempatan, status penggunaan tanah dan pelan tata atur," katanya dalam jawapan bertulis Datuk Lilah Yasin (BN-Jempol).

24 Jun 2009 (Rabu)

Surat - Sistem tender projek kerajaan elok dirombak

PEMILIHAN kontraktor untuk melaksanakan sesuatu projek oleh agensi kerajaan sama ada sebut harga atau tender melalui beberapa proses seperti berikut:

- ② Pertama □ sebut harga atau tender dikeluarkan melalui papan kenyataan, laman web, iklan surat khabar.
- ② Kedua □ melawat tapak dan diberi taklimat oleh pegawai agensi berkaitan pada tarikh ditetapkan.
- ② Ketiga □ membeli borang berkenaan dan melengkapkan segala maklumat diperlukan seperti tawaran harga, kakitangan teknikal, rekod pengalaman kerja, peralatan tersedia, status kewangan terkini dan kemudahan kredit.

Segala dokumen yang disempurnakan dimasukkan ke peti tender atau dikemukakan sebut harga pada tarikh tutup ditetapkan.

- ② Keempat □ agensi kerajaan berkenaan mempamerkan nombor ranking di papan kenyataan bagi memudahkan kontraktor terbabit mengetahui kedudukan penender.
- ② Kelima □ syarikat yang berjaya menerima surat pelantikan, yang gagal jarang sekali menerima jawapan.

Perkara yang menjadi isu kini ialah kaedah menawarkan kontrak kepada kontraktor yang berjaya oleh sesetengah agensi kerajaan. Ada kementerian mengadakan temu duga syarikat disenarai pendek.

Sesetengah agensi kerajaan pula terus mengeluarkan surat tawaran tanpa perlu temu duga. Kita tidak mempertikaikan hak dan kuasa mutlak agensi kerajaan terbabit membuat keputusan. Jawatankuasa perolehan sudah membuat penilaian secara terperinci dalam segala aspek sebelum surat tawaran dikeluarkan. Jawatankuasa berkaitan mempunyai kepakaran dan pengalaman cukup luas dan lama memutuskan kontraktor terpilih ditawarkan sesuatu kontrak.

Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini beberapa kejadian seperti bumbung stadium runtuh, projek terbengkalai, projek siap tidak mengikut jadual dan kualiti pembinaan rendah, semuanya perlu dikaji semula punca dan mengambil tindakan drastik untuk mengatasinya.

Ia membabitkan wang pembayar cukai dan kepentingan rakyat. Ada yang berpendapat isu ini ada kaitan dengan syarikat pembinaan yang tidak memiliki sijil ISO, kemungkinan wujudnya elemen rasuah, projek dialibaba, reka bentuk bangunan tidak mengikut piawai, masalah kekangan kewangan, harga bahan binaan melambung tinggi, sistem pemantauan lemah, amalan birokrasi dan kekurangan tenaga kerja.

Barangkali kaedah temu duga dapat mengurangkan sedikit sebanyak masalah dihadapi sesetengah agensi kerajaan seperti dijelaskan. Jawatankuasa perolehan dapat mengesahkan kesahihan dan menilai sama ada rekod pengalaman kerja, kedudukan aliran tunai syarikat, tawaran harga dikemuka munasabah, tenaga kerja dan peralatan mencukupi serta keupayaan syarikat terbabit melaksanakan kerja mengikut spesifikasi dan jadual ditetapkan.

Jawatankuasa akan meneliti ketepatan data dan maklumat diberi, tanpa ragu. Hasilnya jawatankuasa dapat membuat keputusan bijaksana dan muafakat bersama. Hanya kontraktor terbaik terpilih. Akauntabiliti jawatankuasa ini juga turut diambilkira sekiranya kontraktor gagal melaksanakan sesuatu projek yang diputuskan.

Semua agensi kerajaan seharusnya menyeragamkan pelantikan kontraktor yakni ditemuduga selepas disenarai pendek. Hanya kontraktor yang memiliki merit dan terbaik terpilih. Paling penting, rakyat menerima faedah secara optimum, kos projek tidak melebihi peruntukan, mutu pembinaan tinggi dan siap mengikut jadual ditetapkan agensi kerajaan terbabit.

MOHD KHALID SALLEH, Ampang, Selangor.

27 Jun 2009 (Sabtu)

Adun Sementa fail saman malu isu PKFZ

SHAH ALAM: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sementa, Datuk Abdul Rahman Palil akan memfailkan saman malu terhadap beberapa pihak berikut laporan juruaudit,

PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn Bhd (PwC) yang mengaitkan namanya dalam isu projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Katanya, saman yang akan dikemukakan dalam masa terdekat bertujuan membersihkan namanya yang didakwa tercemar kerana laporan itu disifatkannya sebagai tidak adil dan satu penganiayaan.

Beliau mendakwa laporan yang diedarkan untuk tatapan umum oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) pada 28 Mei lalu itu menyebabkan kredibilitinya sebagai pemimpin tercalar akibat digambarkan sebagai orang yang bertanggungjawab dalam kemelut PKFZ. "Sebelum laporan itu diedarkan, saya tidak dipanggil oleh mana-mana pihak sama ada oleh PwC atau LPK untuk memberi keterangan. Saya juga tidak pernah dipanggil selepas laporan dikeluarkan tetapi nama saya sudah busuk akibat persepsi rakyat. Saya tahu kesan negatif akibat laporan itu. "Saya tahu juruaudit yang dilantik mungkin tidak boleh disaman tetapi kalau laporannya lebih banyak berbentuk fitnah, bagi saya ia tidak adil dan kebenaran perlu dicari," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Ketika ini, beliau sedang mempertimbangkan kemungkinan menyaman PwC, LPK dan beberapa individu tertentu yang mengeluarkan kenyataan dan disiarkan pihak media. Abdul Rahman yang juga Ketua Umno Kapar berkata, beliau atas nasihat peguam buat pertama kali membuat kenyataan media bagi menafikan sekeras-kerasnya ada kepentingan dalam isu PKFZ seperti laporan PwC.

Beliau menjelaskan tidak ada sebarang asas membolehkan PwC membuat rumusan bahawa kedudukannya mahupun pertanyaan yang dibangkitkan pada satu mesyuarat bulanan Lembaga LPK pada 24 Oktober 2001 mengenai pembelian langsung tanah oleh LPK berpotensi membangkitkan konflik kepentingan.

27 Jun 2009 (Sabtu)

Syor ruang khas merokok premis kerajaan

Oleh Syuhada Choo Abdullah choo@bharian.com.my

Larangan boleh jejas produktiviti

KUALA LUMPUR: Cuepacs mengesyorkan ruang khas merokok untuk kakitangan awam disediakan dalam premis jabatan kerajaan kerana larangan merokok sepenuhnya dikhuatiri memberi kesan kepada tumpuan mereka terhadap tugas sehingga menjelaskan produktiviti. Presidennya, Omar Osman, berkata ini kerana ramai perokok yang menjadikan tabiat itu sebagai cara tersendiri memikirkan idea, selain bertujuan menghilangkan tekanan dan kebosanan. Sehubungan itu, beliau berkata, kelonggaran dengan menyediakan ruang khas merokok lebih adil kerana 35 peratus daripada 1.2 juta kakitangan awam adalah perokok.

"Tabiat merokok sukar dihentikan serta-merta. Jika dihalang langsung, dikhuatiri mereka tidak boleh buat kerja pula. "Justeru, seperti di lapangan terbang, perlu ada ruang khas

merokok dalam premis jabatan kerajaan bagi kemudahan kakitangan awam. Seelok-eloknya, ruang berkenaan biarlah di tempat rehat bersesuaian supaya tidak mengganggu keselesaan kakitangan lain," katanya semalam.

Akhbar semalam melaporkan semua kawasan di premis jabatan kerajaan adalah zon larangan merokok selepas ia dimasukkan dalam senarai lokasi dilarang berbuat demikian mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2008. Omar berkata, cadangan itu dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Cuepacs sebelum dikemukakan kepada JPA jika mendapat persetujuan. Secara keseluruhan, beliau berkata, pihaknya menyambut baik langkah terbaru itu yang boleh mendisiplinkan kakitangan awam dan orang ramai. Dari segi langkah penguatkuasaan yang berkesan pula, peraturan itu boleh dipaparkan pada papan tanda jabatan, selain mengeluarkan pekeliling untuk semua kakitangan awam supaya lebih mendapat perhatian.

28 Jun 2009 (Ahad)

Rencana - Pembalakan jejas Hutan Simpan Bintang Hijau

Oleh Mohd Azis Ngah azis@bharian.com.my

Kawasan tadahan punca utama bekalan air Kampung Changkat Berangan terancam

LENGGONG: Lebih 500 penduduk Kampung Changkat Berangan, Perak membantah rancangan untuk membalak di Hutan Simpan Bintang Hijau kerana kawasan tadahan air itu adalah punca utama bekalan air untuk kegunaan harian masyarakat setempat melalui projek air masyarakat. Berdasarkan bukti penandaan zon pembalakan, kawasan tanah hutan simpan seluas 630 hektar itu sudah pun diwarta sebagai kawasan pembalakan sejak tahun lalu ketika di bawah pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat.

Ketua Kampung Changkat Berangan, Hassan Shahriman, berkata pihaknya pernah menghantar bantahan kepada Menteri Besar sebelum ini, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali dan kerajaan negeri bertindak membekukan projek berkenaan. Bagaimanapun, katanya, sejak pemerintahan negeri diambil alih Pakatan Rakyat pada 2008, rancangan projek itu dibuka semula dan penduduk mendapati kerja menandakan kawasan mengikut zon sudah pun dimulakan pada tahun yang sama.

"Ini sajalah punca bekalan air penduduk, kami gunakan untuk kegunaan harian, bekalan air sawah dan kolam ternakan. Jika hutan simpan diteroka, kawasan tadahan air akan rosak dan punca air akan kering. "Kami harap kerajaan baru Perak batalkan projek itu dankekalkan ekosistem kawasan hutan di sini. Sudah banyak perbelanjaan dikeluarkan untuk bina kolam takungan dan laluan ke bukit berkenaan, kenapa perlu dimusnahkan," katanya.

Berdasarkan tinjauan Berita Minggu bersama penduduk di banjaran Bukit Bintang, memang ada banyak pokok balak yang sudah ditanda cat merah menunjukkan kawasan yang akan ditebang. Difahamkan, ia dilakukan syarikat pembalakan yang sudah diberikan hak mengeluarkan balak di situ. Ketika ini, penduduk Kampung Changkat Berangan yang terletak kira-kira 40 kilometer dari Kuala Kangsar, bergantung sepenuhnya kepada projek bekalan air masyarakat yang menggunakan sistem paip yang disambung terus daripada punca air bukit untuk disalurkan ke rumah penduduk.

Mereka menikmati kemudahan itu sejak lapan tahun lalu dengan bayaran RM2 sebulan untuk kos penyelenggaraan dan sebelum ini mereka berkongsi dengan punca bekalan air masyarakat di kawasan Lata Kekabu dan Lata Papan Kuak, tidak jauh dari situ. Selepas jumlah penduduk bertambah dan bekalan air tidak mencukupi, satu lagi takungan air dibina di Kampung Changkat Berangan menggunakan paip getah yang disambung sejauh 12 kilometer.

Ketua Cawangan Umno Kampung Changkat Berangan, Abdul Hamid Hussin, berkata beberapa kawasan lain yang pernah mengalami masalah sama kini menyesal kerana membenarkan aktiviti membalak di hutan simpan berhampiran sumber air mereka mengakibatkan sumber air tercemar. Sehubungan itu, beliau tidak mahu masalah sama berulang di tempat mereka kerana penduduk memerlukan bekalan air bersih, walaupun sudah disediakan bekalan air paip oleh kerajaan negeri.

Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) merangkap penggerusi unit bekalan air masyarakat kampung, Ismail Mat Nali, berkata kerajaan negeri sebelum ini membelanjakan puluhan ribu menyediakan kolam takungan dan kemudahan laluan pejalan kaki ke bukit berkenaan. "Kami yang jaga kawasan itu, bersihkan takungan setiap bulan atau setiap kali hujan lebat supaya kepala saluran paip tidak tersumbat. Jika projek membalak diteruskan, kami tidak boleh bagi jaminan jika berlaku sesuatu tindakan luar jangkaan," katanya.

Laluan ke kawasan takungan air itu sudah diturap melalui ladang kelapa sawit, manakala laluan berbukit pula disimen bagi memudahkan penduduk menyelenggara dan membersihkan kawasan.

29 Jun 2009 (Isnin)

Rencana - Baitulmal kebangsaan perlu disegera untuk pertingkatkan ekonomi ummah

Oleh Manja Ismail manja@nstp.com.my



MEMPERKASA Baitulmal bukan hanya bertumpu kepada pengagihan dan penerimaan zakat semata-mata, malah mampu melindungi kepentingan dan membangunkan ekonomi umat Islam. - Gambar hiasan

Usaha penubuhan usah dipolitikkan, kesungguhan serta keikhlasan pihak terbabit diseru

WALAUPUN isu bagaimana untuk memperkasakan peranan Baitulmal sebagai institusi harta dan kewangan induk umat Islam di negara ini sudah lama diperkatakan, sama ada melalui pelbagai persidangan dan seminar, kertas kerja serta buku-buku ilmiah, ia masih lagi belum menjadi kenyataan. Antara sebabnya ialah Baitulmal terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri atau lebih tepat lagi di bawah Majlis Agama Negeri, yang dinaungi oleh Raja atau Sultan masing-masing. Kerana itu, jelas terlihat perbezaan tahap pencapaian di antara Baitulmal yang ada di setiap negeri sekarang, bergantung kepada taraf hidup umat Islam di negeri itu, sikap majlis agama dan mutu pentadbiran negeri masing-masing.

Ada Baitulmal negeri yang dilihat cukup aktif dengan dana dan asetnya bernilai berbilion-bilion ringgit serta mampu menyaangi institusi kewangan konvensional, tetapi di kebanyakan negeri kegiatan Baitulmalnya lebih bertumpu kepada penerimaan dan pengagihan zakat semata-mata. Justeru, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika merasmikan Konvensyen Baitulmal Kebangsaan pada Rabu lalu mencadangkan supaya diwujudkan sebuah entiti seumpamanya pada peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan aset umat Islam, timbul harapan baru untuk melihat sebuah institusi yang benar-benar memainkan peranan itu tanpa mengenal batas sempadan negeri.

Memang konsep sebenar Baitulmal mencakupi peranan yang lebih luas jika dibandingkan dengan konsep perbendaharaan negara. Namun, skop pentadbiran dan penyelarasannya Baitulmal di negara ini agak terhad kerana ia hanyalah sebuah institusi di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walaupun Majlis Agama Islam diberi kuasa untuk menguruskan Baitulmal, masih banyak faktor lain yang menjadi kekangan seperti kekurangan tenaga profesional, sumber dana dan dasar pentadbiran pada peringkat negeri. Keperluan sebuah institusi peringkat kebangsaan yang mampu menjana kekuatan dan keseimbangan ekonomi ummah semakin diperlukan sekarang kerana umat Islam kini menerima pelbagai cabaran sama ada dari dalam dan luar negara.

Konvensyen Baitulmal Kebangsaan selama dua hari itu berakhir dengan enam resolusi, termasuk memperkasa peranan Baitulmal sebagai pemenang amanah khazanah harta umat Islam dengan lebih bersistematik menerusi penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan (PBK). Antara resolusi lain ialah menjadikan Baitulmal sebagai dana awam yang mempunyai hak untuk bertindak bagi pihak masyarakat Islam untuk melindungi

kepentingan dan membangunkan ekonomi umat Islam di negara ini; meningkatkan pelaksanaan wakaf tunai dan dijadikan sebagai sumber utama serta menerbitkan sukuk dan juga instrumen kewangan lain dalam jumlah besar bagi mengukuhkan dana PBK; melahirkan modal insan berintegriti dan profesional ke arah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam pengurusan harta benda Baitulmal; membabitkan cerdik pandai di kalangan pihak swasta dan awam serta individu bagi membantu merancang dan menggerakkan aktiviti sosioekonomi ummah.

Kita cuma berharap semua resolusi itu tidak hanya tinggal resolusi seperti lumrah kepada mana-mana persidangan dan konvensyen di negara ini. Apa yang penting ialah tindakan untuk memastikan resolusi itu menjadi kenyataan. Yang diperlukan ialah kesungguhan dan keikhlasan pihak-pihak yang terbabit, terutama kerajaan negeri. Dari segi kepakaran dan sokongan Kerajaan Pusat, ia tidak menjadi masalah jika kejayaan institusi Islam lain, khususnya Tabung Haji dijadikan ukuran. Kita cuma berharap dalam senario politik semasa negara sekarang, jangan usaha murni ini juga turut dipolitikkan.

Cukuplah umat Islam di negara ini berpecah dengan soal-soal politik dan perebutan kuasa, tetapi dalam hal yang membabitkan masa depan ekonomi ummah, kita perlu berani dan ikhlas untuk sekata. Kita tidak perlu menoleh kepada sejarah kegemilangan Islam untuk membuktikan bahawa institusi berasaskan agama mampu memainkan peranan penting dalam memperkasakan ekonomi ummah. Lawatan penulis ke Gereja Mormon di Salt Lake City, Utah beberapa tahun lalu mendapati sistem ekonomi mazhab terpencil Kristian itu, yang menyamai sistem zakat dalam Islam, berjaya menjadikan masyarakat minoriti di Amerika Syarikat itu berdikari dari segi ekonomi.

Konsep ekonomi Mormon, yang mereka dakwa berasaskan ajaran kitab suci agama itu, mengutamakan pemilikan ummah (penganut mazhab itu). Mengikut konsep itu, setiap ahli gereja (penganut Mormon) menyerahkan semua harta dan lebihan pendapatan mereka kepada gereja, yang kemudian mengagihkan semula kepada setiap sekeluarga pada kadar yang hanya cukup untuk menampung kehidupan. Walaupun konsep itu tidak pernah dilaksanakan sepenuhnya, nilai hidup bermasyarakat, kerjasama dan fungsi gereja memainkan peranan penting dalam menjana ekonomi Mormon. Setiap penganut Mormon yang berkemampuan, menyerahkan 10 peratus daripada pendapatan kepada gereja dan dua peratus kepada pihak berkuasa, tetapi mereka masih memiliki harta peribadi.

Pada peringkat awal penempatan penganut mazhab itu di Utah, gereja menggunakan wang berkenaan bagi membina sistem perairan untuk pertanian dan kemudian mewujudkan industri kecil. Apabila ekonomi AS berkembang dan bertukar menjadi kuasa industri, ekonomi Utah bukan saja turut maju malah majoriti penganut Mormon menyertai sektor industri dan perdagangan walaupun pertanian terus diberi perhatian.

Hari ini, walaupun tiada siapa mengetahui kekayaan sebenar gereja Mormon, mereka menguasai sebahagian harta tanah di barat dan utara AS, termasuk ribuan hektar ladang ternakan lembu tenusu, serta mempunyai kepentingan dalam pelbagai bidang seperti perbankan, syarikat insurans, perhotelan (rangkaian Marriot), akhbar dan stesen radio. Malah, pakaian lusuh (bundle) yang dijual di pasar malam negara ini, dipercayai berasal

dari pada skim bantuan gereja itu untuk penduduk negara miskin, tetapi diseleweng oleh sindiket antarabangsa.

Kita tidak perlu mengikut konsep ekonomi Mormon untuk meningkatkan ekonomi ummah kerana sistem zakat dalam Islam sudah cukup sempurna. Yang kita perlu cemburu ialah kesungguhan mereka melaksanakan sistem itu secara berkesan sehingga manfaatnya bukan saja dinikmati oleh penganut mazhab itu, malah oleh umat Islam sendiri di negara miskin dan yang mengalami sengketa melalui skim bantuan kemanusiaan gereja itu, yang juga dakwah tersembunyi mereka ke seluruh dunia.

30 Jun 2009 (Selasa)

Sabah & Sarawak: Lantas lapor dakwaan rizab padang ragut miliki geran

Oleh Mohd Azrone Sarabatin azrone@bharian.com.my

3 agensi kena buktikan individu bersalah dibawa ke mahkamah

KOTA BELUD: Jawatankuasa Bertindak Tanah Rizab Padang Ragut Kuala Pintasan-Kampung Labuan (Lantas) sudah membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) negeri, Biro Pengaduan Awam (BPA) negeri dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) bagi menyiasat dakwaan 364 hektar tanah Rizab Padang Ragut Kuala Pintasan di sini, yang dikatakan memiliki geran atas nama individu dan syarikat tertentu. Pengerusinya, Asang Lantuhun, berkata laporan dibuat di pejabat SPRM negeri, BPA negeri dan Suhakam Sabah di Kota Kinabalu, Selasa lalu. "Kami harap pihak terbabit menyiasat laporan kami demi keadilan dan memastikan individu terbabit dihadapkan ke mahkamah jika terbukti melakukan kesalahan," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Asang yang juga Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN) Kota Belud berkata, salinan surat itu turut dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Noor Rashid Ibrahim. Sebelum ini, Lantas sudah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Belud.

Asang berkata, maklumat pemilikan aset tetap itu diperoleh menerusi laporan Berita Harian pada 27 Mei lalu bertajuk 'Projek Agropolitan Kota Belud Berdepan Masalah Tapak' berikutan seluas 364 hektar Tanah Rizab Padang Ragut yang bakal dimajukan untuk projek membasmi kemiskinan tegar itu sudah memiliki geran atas nama orang perseorangan. Beliau juga menafikan penduduk Kampung Labuan dan Wakap menentang Projek Agropolitan Kota Belud yang bakal dimajukan di padang rizab padang ragut Kuala Pintasan, sebaliknya menjelaskan mereka mahu projek itu dijalankan di luar kawasan diperuntukkan untuk dua kampung itu dengan setiap kampung memiliki masing-masing 432 hektar. Keluasan keseluruhan tanah rizab padang ragut Kuala Pintasan adalah 2,160 hektar.

Asang berkata, Lantas mempunyai bukti menerusi surat amanah kuasa yang mengesahkan kawasan itu dianugerahkan kepada dua kampung itu oleh kerajaan Borneo Utara pada 1956 dan diperakui kerajaan Sabah sehingga sekarang. "Pada 13 Jun lalu, Lantas mengadakan perhimpunan aman disertai lebih 1,000 penduduk Kampung Labuan dan Wakap di Kampung Labuan untuk menuntut hak terhadap padang ragut Kuala Pintasan yang diperuntukkan kepada kami.

"Bagaimanapun, ada pihak tersilap persepsi kononnya penduduk dua kampung itu menentang projek Agropolitan Kota Belud sedangkan kami mempertahankan hak dan mahu mengusahakan sendiri kawasan berkenaan untuk penternakan lembu dan kambing. Sekali lagi saya tegaskan, kami tidak pernah menentang projek Agropolitan Kota Belud, sebaliknya mahu ia dilaksanakan mengikut jadual di luar luas kawasan padang ragut yang diperuntukkan kepada kampung kami (di Kuala Pintasan)," katanya.

Projek Agropolitan Kota Belud di Kuala Pintasan memfokuskan penternakan lembu tenusu serta pedaging bernilai RM70 juta di tapak seluas 800 hektar yang akan dilaksanakan tahun ini.